

*Tarikh dibaca: 25 Mei 2018M / 09 Ramadhan 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT  
FITRAH”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT FITRAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا  
الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّمُ الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kehadiran Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita di dunia dan di akhirat.

Sempena hari yang mulia ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk “**KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT FITRAH**”.

**Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

<sup>1</sup> Al-Nur : 56.



Mengeluarkan zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam dan ianya adalah satu kewajipan syarak dan tanggungjawab sosial. Zakat yang wajib ditunaikan ada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Keduanya mempunyai kesan dalam pembentukan akhlak manusia. Walaupun zakat fitrah yang wajib dikeluarkan itu dalam jumlah yang kecil, namun disebaliknya terkandung makna yang sangat dalam.

Merujuk kepada zakat fitrah, ia adalah satu kewajipan bagi setiap individu Muslim menunaikannya dengan menyerahkan makanan asasi segantang Baghdad bersamaan 2.7 kilogram atau RM7 seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga, umat Islam amat digalakkan untuk menunaikan zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan oleh inividu dan keluarga. Sebagai contoh, sekiranya hadirin sekalian menjadikan kebiasaan jenis Beras Putih Import atau Beras Perang sebagai makanan harian diri keluarga, maka digalakkan menunaikan zakat fitrah mengikut nilai harga beras tersebut iaitu RM14 seorang. Begitu juga sekiranya hadirin sekalian memakan Beras Basmathi untuk diri dan keluarga, maka digalakkan menunaikan zakat fitrah mengikut nilai harga beras tersebut iaitu RM21 seorang.

Galakkan membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu Anhu:



كُنَّا نُخْرِجُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ يَوْمَ الْفِطْرِ  
صَاعًا مِنْ طَعَامٍ، وَكَانَ طَعَامَنَا الشَّعِيرُ وَالزَّبِيبُ  
وَالْأَقِطُ وَالتَّمْرُ

*"Sesungguhnya kami di zaman Rasulullah SAW membayar zakat fitrah satu gantang daripada makanan asasi, dan makanan asasi kami adalah barli, anggur kering, keju dan kurma."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Zakat juga mempunyai matlamat yang amat tinggi bagi kehidupan manusia baik sebagai individu mahupun masyarakat kerana dengan berzakat, harta, jiwa dan masyarakat akan menjadi bersih dan suci. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا ...

*"Ambilah sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka dari dosa dan mensucikan mereka dari akhlak yang buruk..."*

Lebih lanjut lagi marilah kita fahami hadis daripada Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ  
اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ، مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ



# الصَّلَاةِ فِيهِ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ آدَاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فِيهِ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ

*"Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah itu sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa dari perbuatan sia-sia dan dari perkataan yang keji dan untuk memberi makan orang miskin. Sesiapa yang mengeluarkannya sebelum solat (Idulfitri), maka ia adalah zakat yang di terima dan sesiapa yang mengeluarkannya sesudah solat (Idulfitri), maka ia dinilai sebagai satu sedekah dari sedekah-sedekah biasa."*

*(Riwayat Abu Daud).*

Hadis ini menjelaskan, jika zakat fitrah dikeluarkan selepas solat hari raya, maka ia bukan lagi zakat fitrah tetapi sedekah biasa.

Sementara itu, Imam al-Syafie Radhiallahu Anhu berkata:

## يَجُوزُ التَّقْدِيمُ مِنْ أَوَّلِ الشَّهْرِ

*"Mendahulukan zakat fitrah itu dari awal bulan Ramadhan."*

### **Muslimin sekalian,**

Alhamdulillah, kesedaran umat Islam untuk membayar zakat fitrah kini boleh dibanggakan. Untuk maklumat sidang Jumaat sekalian, berdasarkan laporan agihan zakat fitrah di Negeri Selangor, pada tahun 2018 sebanyak RM35.08 juta telah diagihkan kepada 50,023 penerima dari kalangan fakir dan miskin di Negeri ini sebagai persiapan mereka menyambut Ramadhan dan Hari Raya Idulfitri.



Sesungguhnya seseorang yang mengeluarkan zakat jelas menunjukkan rasa bersyukur kepada nikmat dan rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka.

Melalui amalan berzakat, Islam telah dapat mewujudkan satu sistem kemasyarakatan yang terbaik di mana sifat tolong menolong antara golongan yang berharta dengan golongan miskin dapat diwujudkan

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Antara hikmah kewajipan zakat fitrah ialah:

1. Allah SWT menjanjikan keberkatan, pertambahan rezeki dan ganjaran pahala kepada mereka yang menunaikan zakat fitrah.

2. Berzakat dapat mengikis sikap sombong, bakhil dan mementingkan diri sendiri. Sedangkan sifat bakhil itu amat dibenci oleh Nabi SAW sepertimana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْبَخِيلُ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ، بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ، بَعِيدٌ  
مِنَ النَّاسِ، قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ

*"Orang yang bakhil jauh daripada Allah, jauh dari syurga, jauh dari manusia dan hampir dengan neraka."*

*(Riwayat at-Tirmizi).*

3. Zakat fitrah yang ditunaikan dapat memberi kebahagiaan terutamanya kegembiraan untuk menyambut hari raya dan menghilangkan kesusahan kepada golongan fakir dan miskin. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



# مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

*"Dan siapa yang memudahkan orang yang sedang dalam kesusahan nescaya Allah akan memudahkanmya di dunia dan akhirat."*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

## **Para tetamu Allah sekalian,**

Sebagai ingatan bersama juga, disamping zakat fitrah, janganlah lupa untuk menunaikan zakat harta apabila telah cukup syarat-syaratnya. Ambillah peluang yang Allah berikan di bulan yang mulia ini untuk merebut ganjaran pahala yang berganda dengan melaksanakan kewajipan zakat terhadap pendapatan, wang simpanan, emas, perniagaan atau pertanian dan lain-lain. Semoga dengan amalan tersebut, Allah menambahkan lagi rezeki dan keberkatan dalam kehidupan kita.

## **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari yang penuh barakah ini, marilah kita mengambil pengajaran seperti berikut

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa segala perintah Allah wajib dilaksanakan termasuklah menunaikan zakat.
2. Umat Islam digalakkan menunaikan zakat fitrah di awal Ramadhan supaya dapat dimanfaatkan oleh penerimanya semasa berpuasa dan di hari raya..
3. Umat Islam juga hendaklah menunaikan zakat harta apabila telah cukup syarat-syaratnya.





4. Umat Islam hendaklah memperbanyakkan bersedekah dan berzakat pada bulan Ramadhan yang mulia ini kerana ganjaran pahalanya amat besar menanti di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾  
وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

*"Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu);."*

*(al-Mukminun : 1-4).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Faryzan/Nurul  
18.05.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،



ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعْكُو  
اَمِيْر شَاهِ، اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ  
لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bujukanlah hati kami untuk



mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ  
سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ  
فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدَيْنَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*